



KEMENTERIAN KERJA RAYA

**TEKS UCAPAN  
YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN FASA 2  
LEBUHRAYA BERTINGKAT SUNGAI BESI-ULU KELANG (SUKE)**

**15 JUN 2023**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Saya ingin memanjatkan kesyukuran kerana pada hari ini kita diberi kesejahteraan dan kesempatan untuk bersama-sama menghadiri **Majlis Perasmian Pembukaan Fasa 2 Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE)**.

2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (PROLINTAS) kerana mengundang saya untuk menyempurnakan majlis pada hari ini. Jutaan terima kasih juga kepada urusetia dan seluruh pasukan yang terlibat dalam projek ini, tidak dilupakan, semua tetamu yang hadir terdiri daripada agensi Kerajaan dan swasta serta rakan-rakan media.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

3. Kementerian Kerja Raya (KKR) memainkan peranan utama sebagai peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara. Ini termasuk membentuk rangkaian lebuhraya yang memberi manfaat kepada rakyat, di samping menyokong perkembangan ekonomi serta pembangunan yang holistik dan mampan kepada negara.

4. Pembinaan dan pembukaan rangkaian lebuhraya di negara ini merupakan keperluan untuk menggerakkan nadi pembangunan ekonomi dan infrastruktur negara. Dedikasi dan komitmen yang berterusan daripada pemain industri lebuhraya di negara kita membuktikan keberkesanan kerjasama antara syarikat swasta dan Kerajaan menerusi Perkongsian Awam Swasta atau *Public Private Partnership* (PPP).

5. Seiring dengan kemajuan teknologi dan pembangunan digital dalam industri pembinaan infrastruktur negara, KKR komited dalam menambah baik mutu perkhidmatan dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif yang proaktif dan berdaya maju.

6. Terbaharu, Sistem Kutipan Tol Secara Pembayaran Terbuka (Open Payment System) dijangka akan bermula pada September ini yang melibatkan 12 lebuhraya iaitu:

- i. Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH)
- ii. Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE)
- iii. Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA);
- iv. Lebuhraya Baru Pantai (NPE);
- v. Jambatan Pulau Pinang (JPP);
- vi. Lebuhraya Butterworth - Kulim (BKE);
- vii. Lebuhraya Damansara - Puchong (LDP);
- viii. Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT);
- ix. Lebuhraya Shah Alam (KESAS);
- x. Terowong SMART;
- xi. Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya (MEX);
- xii. Lebuhraya Duta - Ulu Klang (DUKE)

7. *Open Payment System* yang diperkenalkan ini adalah sebagai salah satu usaha dan inisiatif Kerajaan yang komited dalam peralihan ke arah pelaksanaan sistem kutipan tol secara *Multi-Lane Fast Flow* (MLFF) yang dijangka dapat direalisasikan secara berperingkat menjelang akhir 2024. Saya juga dimaklumkan, setiap plaza tol di Lebuhraya SUKE ini

juga telah direkabentuk dengan mengambilkira pelaksanaan MLFF. Syabas saya ucapkan.

Hadirin yang dimuliakan,

8. Lebuhraya SUKE merupakan salah satu projek lebuhraya baharu yang cukup signifikan khususnya buat warga Lembah Klang. Lebuhraya SUKE bagi Fasa 1 telah dirasmikan pada September 2022 tahun lalu. Purata penggunaan trafik harian di lebuhraya ini bermula pada 1 Januari hingga 31 Mei 2023 adalah mencecah sebanyak 65,000 buah kenderaan.

9. Bagi Lebuhraya SUKE Fasa 2 pula ianya melibatkan jajaran utama sepanjang 7.8 kilometer dari Sri Petaling sehingga Cheras-Kajang yang merupakan laluan di kawasan berkepadatan tinggi. Antara skop pembinaan lebuhraya ini adalah melibatkan pembinaan dua (2) persimpangan baharu iaitu Persimpangan Sri Petaling dan Persimpangan Sungai Besi dan juga pembinaan satu plaza tol secara bertingkat iaitu di Plaza Tol Alam Damai.

10. Pembukaan Fasa 2 Lebuhraya SUKE ini bakal menawarkan **kesalinghubungan yang lebih baik dan penyuraian trafik yang berkesan**. Kedua-dua persimpangan baharu yang bakal dibuka itu dijangka mampu membantu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas yang membelenggu pengguna terutama mereka yang tinggal di sekitarnya dan khususnya pengguna tegar Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2).

11. PROLINTAS juga menjangkakan sebahagian pengguna MRR2 akan beralih ke Lebuhraya SUKE seusai pembukaan penuh jajaran utamanya kerana jajaran ini dapat **menjimatkan masa perjalanan dari Sri Petaling ke Ulu Kelang kepada 25 minit sahaja** berbanding 75 minit melalui laluan sedia ada.

12. Fasa 2 ini adalah pelengkap kepada jajaran utama Lebuhraya SUKE, dengan menghubungkan laluan trafik dari Klang, Shah Alam, Sungai Besi melalui Bandar Tasik Selatan dan Alam Damai serta menyambungkannya ke Persimpangan Cheras-Kajang sehingga ke Persimpangan Bukit Antarabangsa di Ulu Kelang.

13. Pengguna yang ingin ke Pusat Bandar dari kawasan Bukit Jalil, Sri Petaling, Desa Petaling serta pengguna yang menggunakan laluan Lebuhraya Kuala Lumpur–Seremban dan Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA), boleh mengakses Lebuhraya SUKE ini dan menjadikan lebuhraya ini sebagai laluan alternatif yang dapat membantu menjimatkan tempoh perjalanan.

14. Lebuhraya SUKE Fasa 2 ini juga akan menghubungkan lima (5) rangkaian lebuhraya lain iaitu:

- i. Lebuhraya Shah Alam (KESAS)
- ii. Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA)
- iii. Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban
- iv. Lebuhraya Cheras-Kajang (GRAND SAGA)
- v. Lebuhraya Hubungan Timur-Barat KL atau Lebuhraya Salak

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Pada kesempatan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam pembinaan lebuhraya ini sama ada agensi kerajaan mahupun swasta.

16. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini, ingin saya ingatkan kepada semua pengguna Lebuhraya SUKE ini agar sentiasa mematuhi setiap peraturan yang telah ditetapkan. Jangan sewenang-wenangnya berhenti di tepi lebuhraya ini untuk mengambil gambar dan berselfie. Saya faham panorama di Lebuhraya SUKE ini memang sangat menarik dan indah, namun jangan sesekali kita mengabaikan keselamatan diri kita dan juga pengguna lebuhraya yang lain.

17. Kepada syarikat konsesi pula, ingin saya ingatkan di sini agar sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan tahap perkhidmatan dan operasi yang terbaik diberikan kepada pengguna selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang inginkan penyampaian perkhidmatan itu dilaksanakan secara total dan telus.

18. **Akhir kata, dengan lafaz takzim saya rasmikan Pembukaan Fasa 2 Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi Ulu-Kelang (SUKE).** Menerusi pembukaan Fasa 2 ini, maka lengkaplah sudah jajaran utama Lebuhraya SUKE sepanjang 24.4 kilometer bermula dari Persimpangan Sri Petaling dan berakhir di Persimpangan Bukit Antarabangsa.

**19. Pengguna boleh menggunakan laluan ini bermula jam 12.01 tengah malam, 16 Jun 2023. Tol akan diberikan secara percuma selama dua (2) minggu untuk pengguna yang melalui Plaza Tol Alam Damai.**

Sekian, terima kasih, salam Malaysia Madani.

-Tamat-